

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK MEMBERDAYAKAN PUSAT WANITA BERDAYA

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa banyak program PWB telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018, mengikut pecahan kategori program.
- b) Berapakah peratus peruntukan PWB telah di belanjakan untuk tahun 2018, dan mengikut pecahan DUN. Sekira tidak habis di belanjakan mengapa? Sila nyatakan sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejumlah 479 program merangkumi 108 program-program pembangunan kapasiti dan 371 program-program kemahiran telah berjaya dilaksanakan oleh 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor bermula September sehingga Disember 2018. Perjawatan pengurusan dan para penyelia PWB selaras dengan pembubaran DUN pada April 2018 lalu. Pecahan kategori program seperti berikut :

(1) Program Pembangunan Kapasiti

Bil	Modul Pembangunan Kapasiti	Bilangan Program Sept – Dis 2018
1	Pendemokrasian Hak Rakyat	1
2	Kefahaman Gender	0
3	Urustadbir Baik	12
4	Wanita dan Perundangan	3
5	Alam Sekitar	0
6	Kesihatan dan Pembangunan Keluarga	9

7	Keselamatan dan Pembangunan Keluarga	15
8	Asas Keusahawanan	12
9	Asas Pelaburan	0
10	Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga	56
	Jumlah Program	108

(2) **Program Kemahiran**

Bil	Modul Kemahiran	Bilangan Program Sept – Dis 2018
1	Seni Kraftangan	97
2	Reka Bentuk Dalaman	0
3	Laman Tani dan Lanskap	5
4	Industri Makanan dan Minuman	186
5	Program 3R (Reduce,Reuse,Recycle)	10
6	Gaya Hidup Sihat	23
7	Pertahanan Diri	2
8	Penyelenggaraan Kenderaan	2
9	Teknologi Maklumat	3
10	Seni dan Budaya	43
	Jumlah Program	371

- b) Jumlah peruntukan PWB pada tahun 2018 adalah sebanyak RM2,800,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja), iaitu RM50,000 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja) untuk setiap DUN. Untuk makluman Yang Berhormat Sementa, Program PWB bermula akhir September sehingga Disember dan berjaya membelanjakan peruntukan sedia ada sebanyak 42% iaitu RM877,483.75 (Ringgit Malaysia : Lapan Ratus Tujuh Puluh Tujuh Empat Ratus Lapan Puluh Tiga dan Sen Tujuh Puluh Lima Sahaja) daripada baki iaitu berakhir April 2018 sebanyak RM2,092,293.10 (Ringgit Malaysia : Dua Juta Sembilan Puluh Dua Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Tiga dan Sen Sepuluh Sahaja). Perincian peruntukan dengan pecahan DUN sebagaimana disertakan di Lampiran A.

Antara faktor yang mempengaruhi peratusan penggunaan peruntukan PWB rendah adalah urusan lantikan para pengurusan PWB di peringkat negeri dan lantikan para penyelia PWB baru mewakili setiap 56 DUN seluruh Selangor selepas pembubaran DUN dengan mengambilkira masa yang diperlukan bagi proses penamaan calon-calon penyelia PWB oleh ADUN, panggilan temuduga dan sesi temuduga calon-calon penyelia, kertas kelulusan lantikan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Selain daripada itu, bagi tujuan mempersiapkan para penyelia PWB ini menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan serta berhadapan dengan masyarakat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor turut menganjurkan Kursus Asas Latihan Kepimpinan Penyelia PWB dan beberapa siri latihan khusus untuk melatih para penyelia PWB yang mana 41 orang daripada keseluruhan 56 orang penyelia adalah terdiri daripada penyelia baru yang kurang berpengalaman dalam melaksanakan program-program PWB.

Bilangan	Perkara	Tarikh
1.	Mengemukakan Kertas Cadangan Lantikan Para Pengurusan dan Penyelia PWB Selangor 2018 kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	11 Julai 2018
2.	Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berkenaan Kertas Cadangan Lantikan Para Pengurusan dan Penyelia PWB Selangor 2018	18 Julai 2018

3.	Pelantikan Pengurusan PWB	16 Julai 2018
4.	Memohon nama-nama calon penyelia daripada ADUN	17 Julai 2018
5.	Temuduga Calon Penyelia PWB	30 – 31 Julai 2018 1 – 2 Ogos 2018
6.	Keputusan Temuduga Penyelia PWB	8 Ogos 2018
7.	Pelantikan Penyelia PWB	1 September 2018
8.	Kursus Asas Latihan Kepimpinan Penyelia PWB	31 Ogos 2018 – 2 September 2018
9.	Mengemukakan Kertas Cadangan Senarai Nama Empat Orang Pengurusan dan 56 Orang Penyelia PWB Selangor 2018 kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	30 Ogos 2018
10	Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berkenaan Kertas Cadangan Senarai Nama Empat Orang Pengurusan dan 56 Orang Penyelia PWB Selangor 2018 kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor	14 September 2018
11	Program PWB DUN Bermula	23 September 2018

Baki peruntukan PWB DUN berakhir April 2018 tersebut hanya digunakan pada akhir September oleh para penyelia PWB yang baru untuk meneruskan kesinambungan pelaksanaan program-program bagi manfaat komuniti khususnya golongan wanita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PENAMBAHBAIKKAN SISTEM TRAFIK DAN PENGANGKUTAN AWAM
DI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan-pelan terkini bagi penambahbaikan sistem trafik dan pengangkutan awam di Selangor yang terkini, terutamanya di kawasan bandar seperti Bandar Utama?
- b) Adakah terdapat sebarang perbincangan terkini dan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi isu infrastruktur dan kemudahan awam?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali;

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memastikan pengurusan lalulintas dan sistem trafik adalah terkawal berdasarkan pelan dan kajian sedia ada untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam khususnya di kawasan bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan bagi isu infrastruktur dan kemudahan awam di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan diadakan secara berterusan, di antaranya adalah:

- (1) Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri yang diurussetiakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan (*Implementation Coordination Unit – ICU*) Negeri Selangor turut melibatkan jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan serta agensi Kerajaan Negeri;
- (2) Perjumpaan bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di mana Kerajaan Negeri telah menyampaikan hasrat kepada Kerajaan Persekutuan bagi permohonan tuntutan pembayaran balik kos pembinaan Jambatan Klang Ke-3 dan penyaluran peruntukan pembangunan jambatan tersebut yang secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan;
- (3) Melalui perbincangan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), di mana KPLB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.5 juta kepada Negeri Selangor untuk pelaksanaan Program Ameniti Sosial

(PAMS) yang berjumlah RM2 juta dan Jalan Penghubung Desa berjumlah RM3.5juta; dan

- (4) Perbincangan bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bagi isu penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2.

Sehubungan dengan itu, perbincangan yang berterusan serta kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua kerajaan dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam di Negeri Selangor dari semasa ke semasa.

INFO TAMBAHAN

Dalam memastikan jaringan jalan raya serta pengurusan trafik di Negeri Selangor lebih terancang dalam mengatasi masalah kesesakan serta mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya, pelan atau kajian induk telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan, manakala kajian trafik yang disyaratkan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya adalah keperluan yang ditetapkan di dalam pelaksanaan projek-projek menaiktaraf jalan raya.

Antara kajian-kajian yang dilaksanakan (kajian dan pelan sedia ada) adalah seperti di bawah:

BIL.	Pelan / Kajian Yang Dilaksanakan	Jabatan / Agensi / PBT	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Pelan Induk Pengangkutan Negeri Selangor (PIPANS)	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM1,036,553.33
2.	Kajian Pengangkutan dalam sebahagian daripada Rancangan Struktur Negeri (RSN)	Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor	RM35,200.00 (dimasukkan dalam kos perunding RSN)
3.	Pelan Induk / Kajian Pengangkutan MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM500,000.00
4.	Kajian Destinasi Asal (Origin Destination)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM187,000.00
5.	Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya		RM1 juta
6.	Kajian Pengurusan Lalulintas dan Kapasiti Jalan Raya Sedia Ada di Kawasan Melawati – Kemensah 2018 - 2028	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	RM400,000.00
7.	Kajian Pengangkutan dalam sebahagian daripada Kajian Rancangan Tempatan Daerah - Semua PBT	Semua PBT	Termasuk dalam kos Kajian Rancangan Tempatan (RT)
8.	Kajian Trafik	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	Kos kajian termasuk dalam sebahagian kos projek menaiktaraf jalan raya
9.	Kajian Impak Trafik	Pihak Berkuasa Tempatan	Kajian ini disyaratkan kepada pemaju

BIL.	Pelan / Kajian Yang Dilaksanakan	Jabatan / Agensi / PBT	Jumlah Peruntukan (RM)
			projek dan termasuk di dalam kos projek yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN CERIA 2019

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah jumlah peruntukan program CERIA membantu pembaikan apartmen kos rendah kos rendah-sederhana untuk tahun 2019?
 - b) Berapa jumlah bantuan daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan ke Negeri Selangor untuk membantu pembaikan apartmen kos rendah, kos rendah-sederhana pada tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan program CERIA bagi tahun 2019 adalah sejumlah RM10,000,000.00.
- b) Kerajaan Negeri masih menunggu maklum balas berhubung pertimbangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan sebarang peruntukan untuk membantu pembaikan apartmen kos rendah dan kos sederhana rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan PBT yang menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan dan jumlah kos yang dibelanjakan oleh pihak pengajur pada tahun 2018.
 - Nyatakan PBT yang telah dan akan menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun ini.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor amat menggalakkan pelaksanaan Program Hari Tanpa Kenderaan. Program ini adalah merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi mencapai sasaran penurunan karbon di kawasan bandar. Sehubungan itu, sebanyak tujuh (7) PBT telah menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun 2018. Butiran terperinci berkaitan pengajuran dan kos perbelanjaan adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	SENARAI PENGANJURAN PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN TAHUN 2018	KOS PENGANJURAN (RM)
1.	MBSA	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 10 kali bermula Januari hingga Disember 2018.	352,393.00
2.	MBPJ	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 5 kali bermula Mac hingga Disember 2018.	210,000.00
3.	MPSJ	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan dan Jom Sihat @ Lestari MPSJ pada 28 Oktober 2018 bertempat di Jalan Kemajuan Subang SS16, Subang Jaya.	15,150.00
4.	MPAJ	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 11 kali yang bertempat di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah.	90,519.82
5.	MPS	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan pada 23 Februari 2018.	40,000.00
6.	MPKj	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan pada 11 November 2018.	30,000.00

7.	MPSp	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 9 kali bermula Mac hingga Disember 2018.	65,035.00
8.	MDHS	Penganjuran Program Tanpa Kenderaan bermula Ogos hingga Disember 2018.	160,000.00
JUMLAH			963,097.82

- b) Manakala, senarai PBT yang telah dan akan menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	PENGANJURAN HARI TANPA KENDERAAN TAHUN 2019
1.	MBSA	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan telah diadakan pada 13 Januari 2019, 10 Februari 2019 dan 10 Mac 2019 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Program ini akan diteruskan sehingga Disember 2019.
2.	MBPJ	Telah menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada 10 Mac 2019 dan Program seterusnya adalah pada bulan Mei, Julai, September dan November 2019.
3.	MPSJ	Penganjuran Hari Komuniti Negara 2019 dan Program Hari Tanpa Kenderaan telah diadakan pada 17 Februari 2019 bertempat di Puchong Indah.
4.	MPAJ	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan telah diadakan pada 13 Januari 2019, 10 Februari 2019 dan 10 Mac 2019. Pelaksanaan program Hari Tanpa Kenderaan adalah pada setiap bulan minggu ke-2 hari Ahad di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah.
5.	MPS	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan akan diadakan pada bulan Julai atau Ogos 2019.
6.	MPKj	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan pada bulan Oktober 2019.
7.	MPSp	Akan menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 8 kali bermula 17 Mac hingga Disember 2019.
8.	MDHS	Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan telah diadakan pada 26 Januari 2019, 23 Februari 2019 dan akan diadakan pada 30 Mac 2019. Program ini akan diteruskan sehingga Disember 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM BLUE PRINT MEMBASMI KEMISKINAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Berapakah jumlah penerima bantuan Blueprint bagi DUN Bukit Melawati;
 - b) Bagaimanakah prestasi dan kejayaan program Blueprint setakat ini dan bagaimanakah program ini dapat membantu membasmikan kemiskinan.

JAWAPAN:

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah program bantuan yang dilaksanakan mengikut daerah di mana borang permohonan perlu dikemukakan ke Pejabat Daerah/ Tanah untuk diproses. Berdasarkan rekod, jumlah permohonan yang diluluskan dan telah berjaya menerima mesin/ peralatan bagi daerah Kuala Selangor dari tahun 2012 hingga 2018 Oktober adalah sebanyak 200 orang.

- b) Pada tahun 2018, satu Kajian Penilaian Impak melibatkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Dana Usahawan Mikro (DUMS), Program Pinjaman Mikrokredit Perniagaan Hijrah Selangor dan Penggerak Belia Tempatan dalam Pembangunan Generasi Muda Selangor (PeBT) telah dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE).

Bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan sejumlah 1171 penerima bantuan telah digunakan sebagai sampel di dalam kajian impak ini. Hasil dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa 87% iaitu seramai 1019 daripada 1171 orang penerima bantuan telah berjaya meningkatkan pendapatan selepas menerima bantuan mesin/ peralatan daripada Kerajaan

Negeri. Manakala hanya 13% iaitu seramai 152 sahaja mencatatkan tiada peningkatan.

Merujuk kepada Laporan Akhir Kajian Penilaian Impak Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, majoriti responden dari kalangan penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan iaitu 95% bersetuju bahawa bantuan mesin/ peralatan yang diterima telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, terbukti Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah memberikan impak yang positif kepada rakyat selangor khususnya di dalam membasi kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : USAHAWAN BELIA DAN WANITA

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan usahawan belia dan wanita?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini Kerajaan Negeri memfokuskan kepada Pembangunan Usahawan Negeri Selangor secara holistik walaupun tiada pengkhususan kategori. Namun ia adalah signifikan untuk diterokai.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kajian Impak ke atas beberapa insentif di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) di mana didapati penglibatan usahawan belia dan wanita adalah wajar untuk diberi fokus pada masa akan datang. Kajian ini merangkumi insentif Dana Usahawan Mikro Selangor, Blueprint dan HIJRAH Selangor.

Hasil dapatan Kajian Impak tersebut dapat dinyatakan seperti berikut:

Bil	Bantuan	Bil. Penerima Mengikut Julat Umur		Total
		21-30	31-40	
1	Dana Usahawan Mikro	28	75	103
2	Blueprint	46	235	281
3	HIJRAH Selangor	120	260	380

* Penerima berdasarkan sampling kajian.

Manakala peratus penerima manfaat bagi golongan wanita adalah seperti berikut :

Bil	Bantuan	Total
1	Dana Usahawan Mikro	151
2	Blueprint	281
3	HIJRAH Selangor	652

Untuk makluman, antara program yang akan memberi fokus kepada pembangunan usahawan belia adalah Jelajah Usahawan Selangor di mana Kerajaan Negeri akan menetapkan tema Usahawan Belia di salah satu daerah yang akan dikenalpasti kelak. Antara Intipati program yang akan diadakan adlah sesi dialog bersama usahawan muda, pendedahan kepada usahawan yang celik teknologi khususnya pada masa ini elemen Industri 4.0 wajar diketengahkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PASUKAN IKATAN DESA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada Pasukan Ikatan Desa pada tahun 2019?
- b) Sekiranya ada, siapakah yang bertanggungjawab membelanjakan peruntukan tersebut?
- c) Apakah insentif kebajikan kepada petugas keselamatan tersebut

JAWAPAN:

(a) dan b) dijawab bersekali;

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk digunakan bagi pembangunan modal insan termasuk latihan dan pembekalan peralatan-peralatan yang dirasakan perlu dan relevan kepada Pasukan Ikatan Desa. Ini secara langsung diharapkan dapat meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan juga kecekapan pasukan Ikatan Desa ke satu tahap yang lebih tinggi daripada sebelumnya. Peruntukan tersebut dikawalselia oleh Unit Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor Seksyen Sektoral UPEN bagi tujuan yang dinyatakan tadi. Untuk membelanjakan peruntukan tersebut, tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa perlulah dipatuhi supaya perbelanjaan yang dilakukan kelak tidak bermasalah dan selari dengan hasrat Kerajaan pada hari ini untuk memartabatkan integriti sebagai perkara utama apabila melaksanakan tugas yang diamanahkan serta untuk mengelakkan ketirisan daripada berlaku sebagai contoh bagi perolehan peralatan melalui tender terbuka dan kursus latihan melalui proses lantikan terus mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

- c) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi kini dalam proses untuk menjenamakan semula Program Ikatan Desa dengan melibatkan hubungan dan kerjasama Bersama-sama agensi yang berkaitan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), BOMBA, Agensi Pertahanan Awam, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan lain-lain agensi yang akan

dikenalpasti kemudian. Ini bagi memastikan program yang dirancang dapat memberikan impak maksimum dan hasil positif yang berterusan serta akan memberikan manfaat kepada masyarakat kampung khusunya.

Dalam perancangan penambahbaikan terhadap program Ikatan Desa ini, isu berkaitan dengan kebijakan petugas keselamatan merupakan antara perkara yang dititik beratkan dan akan diberi perhatian sewajarnya. Walau bagaimanapun, bentuk insentif kebijakan yang akan diberikan kepada petugas keselamatan Pasukan ikatan Desa ini masih belum diputuskan dan masih diperingkat perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBUANGAN SISA KE DALAM LONGKANG

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah pembuangan sisa oleh peniaga-peniaga (terutamanya peniaga restoran) ke dalam longkang?

JAWAPAN:

- a) Bagi menyelesaikan masalah pembuangan sisa oleh peniaga-peniaga (terutama peniaga restoran) ke dalam longkang, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menetapkan dalam syarat pemohonan lesen perniagaan iaitu peniaga wajib menyediakan perangkap minyak (*Grease Trap*) sebelum sesuatu lesen perniagaan diluluskan selaras dengan Peruntukan 20 Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007.

PBT juga boleh menjalankan tindakan penguatkuasaan kompaun di bawah peruntukan Sekyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu meletakkan debu atas jalan dan sebagainya.

Bagi tindakan pengawalan, PBT sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengusaha-pengusaha restoran khususnya melalui pemeriksaan/penggredan premis makanan bersama Pejabat Kesihatan Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH PERTANIAN

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mengapa hasil padi masih gagal melepasasasaran yang ditetapkan oleh jabatan? Adakah perlu tindakan kepada petani yang tidak mematuhi S.O.P yang ditetapkan oleh jabatan?
 - b) Perlukah pentadbiran (PPK) yang gagal berfungsi untuk dirombak semula?
 - c) Apakah tindakan sekiranya petani menghadapi masalah benih?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pertanian akan terus menjalankan fungsi pengembangan bagi menggalakkan petani mengikut SOP Rice Check dan menggalakkan petani mendapatkan pensijilan MyGAP supaya hasil padi dapat ditingkatkan mengikut sasaran.
- b) Sebarang pindaan dan rombakan kepada PPK perlu melalui saluran yang betul memandangkan LPP adalah pendaftar bagi PPK.
- c) Petani menghadapi masalah benih padi boleh membuat aduan kepada Bahagian Industri Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini dan jumlah pembinaan rumah Selangorku daripada tahun 2016 sehingga kini mengikut mukim?
- b) Berapa ramai pemohon rumah selangorku yang masih belum berjaya mendapatkan rumah Selangorku?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bermula daripada tahun 2016 sehingga 28 Februari 2019, Secara keseluruhan sebanyak 114 projek (**57,710 unit**) Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri (MMKN). Sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 3 projek (**888 unit**) RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak 21 projek (**11,396 unit**) RSKU sedang dalam pembinaan dan baki sebanyak 90 projek (**45,426 unit**) RSKU masih dalam perancangan. Perincian mengikut mukim adalah seperti berikut :-

MUKIM	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
Ampang	2	800
Batu	3	1,405
Beranang	3	2,726
Bukit Raja	3	2,182
Cheras	4	1,861
Damansara	4	3,260
Dengkil	17	9,178
Hulu Kelang	1	30
Ijok	6	3,706
Jeram	1	170
Kajang	6	2,253
Kapar	1	12
Klang	9	5,898
Labu	2	65
Morib	1	2,158

Panchang Bendena	1	100
Petaling	8	4,479
Rawang	12	7,842
Sabak	1	-
Semenyih	9	1,566
Serendah	2	1,423
Sungai Buloh	5	1,436
Tanjung Dua Belas	10	4,100
Ulu Yam	1	475
Pekan Kg Sg Tangkas	1	476
Bandar	1	109
JUMLAH KESELURUHAN	114	57,710

- b) Sehingga 1 Mac 2019, jumlah pemohon Rumah Selangorku yang masih belum berjaya mendapatkan Rumah Selangorku adalah seramai 123, 352 pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Program Jom Shopping sukar dilaksanakan kerana syarat-syarat yang ketat dan cara perlaksanaan yang menyusahkan rakyat. Apakah pemberian yang akan dirancang oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah kerajaan akan menimbulkan cara mengagihkan kupon beli-belah kepada rakyat sebaik sahaja mereka berjaya membuat pendaftaran?

JAWAPAN:

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bermatlamat meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Melalui program ini, setiap keluarga yang kurang berkemampuan berpeluang membuat pembelian barang keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Dengan peruntukan berjumlah RM8.4 juta dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat.

Dengan kekangan kewangan yang terhad, peruntukan yang sedia ada perlulah dibahagikan dengan adil dan saksama. Bagi Program *Jom Shopping*, setiap DUN akan menerima sejumlah baucar di antara 300 unit hingga 800 unit mengikut kepada kepadatan pengundi di sesuatu DUN berkenaan. Oleh yang demikian, sejak tahun 2013 hingga 2018 beberapa kriteria penerima manfaat telah ditambahbaik dan kriteria-kriterianya adalah seperti berikut:-

- i) Penerima bantuan adalah masyarakat yang menyambut perayaan berkenaan;
- ii) Penerima bantuan mestilah mempunyai pendapatan seisi rumah RM1,500.00 dan ke bawah;
- iii) Penerima bantuan mestilah pengundi berdaftar di DUN berkenaan;
- iv) Hanya seorang penerima bantuan sahaja yang layak menerima baucar bagi setiap keluarga; dan

- v) Penerima bantuan bukanlah penerima manfaat di bawah Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS).
- b) Pada tahun 2012, bantuan berbentuk hamper telah diperkenalkan khusus untuk membantu mengurangkan beban golongan miskin dalam menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Namun dengan cara pengagihan hamper selepas pemohon membuat pendaftaran, banyak permasalahan telah dikenalpasti. Antaranya adalah permasalahan dari segi penghantaran, ruang penyimpanan Pusat Khidmat DUN yang terhad, prosedur pendaftaran yang tidak teratur dan tiada kriteria khusus yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah membuat penyamarataan dengan mewujudkan bantuan perayaan khusus kepada masyarakat Cina yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Dalam memastikan ketelusan dalam menyalurkan bantuan, Kerajaan Negeri telah menetapkan prosedur baharu di mana penerima bantuan perlu mendaftarkan diri di Pusat Khidmat DUN dan penerima yang layak serta mengikut kriteria yang telah ditetapkan akan membuat pembelian barang di dalam bentuk baucar di pasar raya yang terpilih. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melihat prosedur dan kriteria semasa yang telah ditetapkan adalah cara pelaksanaan yang terbaik pada masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : LANGKAH PEMELIHARAAN PERMATANG KUARZA GOMBAK

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah semasa yang diambil oleh kerajaan bagi memelihara kawasan Permatang Kuarza, Gombak dan melindungi persekitarannya sementara proses pengiktirafan UNESCO diperolehi?

JAWAPAN:

- a) Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Pasukan Perunding Pakar untuk menyediakan Kajian Dossier Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang terdiri daripada tiga (3) orang pakar iaitu :

- i. YBhg. Datin Paduka Prof. Emiretus Siti Zuraina Binti Abdul Majid (Pakar Arkeologi, Warisan dan Budaya Dunia)
- ii. YBhg. Prof. Emiretus Dato' Dr. Abdul Latif Bin Muhammad (Pakar Biodiversiti, Warisan Alam Semula Jadi Dunia); dan
- iii. YBhg. Prof. Dr. Mohd Shafeea Bin Leman (Pakar Geodiversiti, Warisan Alam Semula Jadi Dunia)

Hasil penemuan kajian Dossier PKGS mendapati

- i. Nilai estetik PKGS adalah tidak terlalu luar biasa (superlative) jika dibandingkan dengan tapak-tapak lain.
- ii. Kajian saintifik, penyelidikan, penerbitan dan sumber rujukan serta maklumat khusus berkenaan kuarza di PKGS masih terlalu terhad.
- iii. Integriti sesuatu tapak yang dicalokan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO perlu berada ditahap tertinggi dan ini amat berkaitan dengan isu pengurusan dan pemuliharaan tapak bagi mengekalkan keaslian kawasan PKGS.
- iv. Terdapat perubahan kepada keperluan pencalonan di mana sesebuah tapak yang ingin dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO perlu menguatkuaskan *Conservation Management Plan* (CMP) terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Laporan Draf Akhir Dossier PKGS Teknikal bertarikh 12 Disember 2018 memutuskan tapak PKGS **masih belum bersedia** untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Walau bagaimanapun, Pasukan Perunding Pakar mendapati PKGS **sangat berpotensi sebagai salah satu komponen geosites** dalam pembentukan tapak geopark khususnya di Selangor. Tapak geopark ini akan dicadangkan sebagai Tapak Geopark Kebangsaan terlebih dahulu sebelum diangkat sebagai Tapak Geopark Global UNESCO (Pengiktirafan Geopark Global UNESCO adalah kedua tertinggi selepas Tapak Warisan Dunia UNESCO).

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang bersidang pada **21 Februari 2019** telah bersetuju dengan cadangan PKGS sebagai sebahagian Tapak Geopark Kebangsaan.

Geopark didefinisikan sebagai **satu kawasan dengan keluasan bersesuaian, mempunyai sempadan yang jelas** dan mengandungi beberapa tapak warisan geologi berkepentingan kebangsaan, serantau atau antarabangsa yang dibangunkan secara lestari. Ianya adalah untuk **meningkatkan tahap ekonomi dan nilai budaya penduduk** terutamanya menerusi **aktiviti pelancongan**.

Konsep pembangunan geopark memberikan perhatian kepada keseimbangan tiga (3) aspek utama iaitu **kepentingan pemuliharaan sumber asli** (khususnya sumber geowarisan), **pembangunan infrastruktur untuk pelancongan** dan **aktiviti sosio-ekonomi yang menguntungkan masyarakat setempat**. Berikut merupakan potensi sosio-ekonomi kepada penduduk setempat:

- i. Memperkenalkan produk pelancongan baharu (geo-pelancongan)
- ii. Membuka lebih banyak peluang pekerjaan
- iii. Memasarkan serta mengetengahkan tarikan baru yang berpotensi
- iv. Mampu menarik pesaran pelancong, saintis, ahli geologi, pelajar dan pengkaji pelbagai bidang dari seluruh dunia.
- v. Menjadikan tapak PKGS lebih terkenal dan membuka ruang pertukaran maklumat dan kerjasama dalam kalangan geopark dunia di negara-negara lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INSTITUSI MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK)

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan, tanggungjawab serta tugas khusus MPKK ?
- b) Nyatakan jumlah Pengerusi MPKK yang telak dilantik dan yang masih belum dilantik mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Sedikit latar belakang penggunaan nama baharu MPKK ini untuk makluman semua. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 telah bersetuju bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan dijenamakan semula dengan nama baharu iaitu **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)**.

Selaras dengan keputusan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 19 September 2018** telah bersetuju untuk menggunakan nama **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta – merta.

Yang Berhormat sekalian,

Peranan, tanggungjawab dan serta tugas khusus MPKK adalah mereka ini merupakan individu yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi suatu tempoh yang telah ditetapkan sebagai pemudahcara dan penghubung antara kerajaan dengan masyarakat setempat dan menjadi perantara di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak yang berkaitan. Jumlah keanggotaan MPKK adalah seramai 13 orang yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi, seorang (1) Setiausaha dan 11 Ahli Jawatankuasa (AJK) yang akan menjadi Pengerusi bagi setiap biro yang telah ditetapkan seperti berikut:-

1. Biro Pembangunan Prasarana
2. Biro Keselamatan dan Kesihatan
3. Biro Pegurusan Kewangan

4. Biro Kesejahteraan dan Keceriaan
5. Biro Pendidikan dan Inovasi
6. Biro Pemantapan Spritual
7. Biro Kebajikan dan Kesukarelawan
8. Biro Infostruktur dan Komunikasi
9. Biro Hal Ehwal Wanita dan Keluarga

MPKK juga berfungsi untuk merancang dan melaksanakan pelan pembangunan kampung dengan penglibatan komuniti setempat menggunakan pendekatan *bottom-up approach* ke arah mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera. Kesepakatan penduduk merupakan keperluan asas pembangunan negara dan perlu digembung melalui kepimpinan yang dinamik dan pentadbiran yang teratur. MPKK ini juga adalah salah satu usaha kerajaan bagi memastikan matlamat pembangunan desa seperti pembasmian kemiskinan, pemodenan desa dan kemajuan dalam pembangunan dapat dicapai.

Peranan MPKK pula boleh dipecahkan kepada dua aspek utama iaitu aspek pengurusan dan kemajuan dan aspek yang kedua ialah aspek keselamatan. Bagi aspek pertama berfokuskan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan kampung melalui penerapan nilai-nilai dasar semasa kerajaan dalam menguruskan kampung bagi urusan pentadbiran dan operasi melalui perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang baik dan tersusun. Aspek kedua iaitu keselamatan pula adalah dengan membantu dan memberikan kerjasama kepada pihak keselamatan, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk memelihara ketenteraman di kampung dan mestilah sentiasa mengambil berat terhadap soal keselamatan dari segi ancaman subversif, puak pelampau, dadah, salah guna dana dan lain-lain perkara yang dirasakan relevan dan tidak sihat dan ancaman keselamatan seperti bencana alam, banjir, kebakaran dan lain-lain.

- b) Jumlah Pengerusi MPKK yang telah dilantik dan yang masih belum dilantik bagi Kampung-kampung Tradisi di Negeri Selangor berdasarkan keputusan MMKN ke 30/2018 dan MMKN ke 1/2019 adalah seperti berikut:

DAERAH	DILANTIK	BELUM DILANTIK
Petaling	19	0
Klang	33	1
Gombak	33	3
Hulu Langat	61	1
Sepang	18	1
Kuala Langat	32	2
Kuala Selangor	53	2

Hulu Selangor	33	0
Sabak Bernam	72	7
Jumlah	354	17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KAWALAN HAKISAN DI PANTAI JENGKOK, SUNGAI PELEK, SEPANG

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengawal hakisan yang berlaku di Pantai Jengkok, Sungai Pelek yang mengakibatkan kerosakan harta benda kepada masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, JPS Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan di bawah peruntukan Air Pasang Besar pada tahun 2017 sebanyak RM80 juta kepada JPS Malaysia. Permohonan berkenaan telah diluluskan dengan anggaran kos RM40 juta yang melibatkan 4 daerah iaitu Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Selangor, Daerah Klang dan Daerah Kuala Langat. Namun begitu, permohonan bagi Daerah Sepang tidak diluluskan. Status semasa bagi projek ini adalah di peringkat value Assessment (VA) yang dijangka akan dibuat pada bulan April 2019.

Skop bagi projek tersebut adalah melibatkan kerja-kerja:

- Perunding / In house design
- Kerja fizikal pembinaan ban pantai

Anggaran kos pembinaan bagi projek kawalan hakisan pantai adalah RM5000/m. Oleh demikian, anggaran kos bagi kawalan hakisan di kawasan ini adalah RM4 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MASJID

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa peruntukan/elaun imam masjid-masjid institusi di bawah pengurusan negeri dihentikan?

JAWAPAN:

- a) Pihak JAKIM telah menyelaraskan pemberian elaun bulanan Imam 1 dan 2 di setiap negeri dengan pemberian imbuhan bulanan sebanyak RM 850.00 yang hanya diberikan kepada imam masjid kariah sahaja mengikut Garis Panduan Pembayaran Imbuhan Imam JAKIM Tahun 2011.

Pada masa ini, elaun imam tidak diberikan kepada masjid-masjid institusi kerana terdapat pelantikan daripada pihak institusi bagi mentadbir masjid di bawah seliaan mereka.

Selaras dengan itu juga, pihak kerajaan negeri Selangor pada tahun 2015 dan 2016 telah meluluskan sumbangan tambahan kepada imam-imam masjid kariah negeri Selangor yang berjumlah RM 450.00.

Setakat ini belum ada apa-apa kelulusan bagi pemberian elaun bulanan kepada imam-imam di masjid institusi, namun begitu perkara ini akan diberi perhatian dan perbincangan sedang dilaksanakan bersama pihak JAKIM bagi menyelaraskan perkara tersebut.

Sebanyak 17 buah Masjid Institusi di Negeri Selangor seperti di lampiran.

LAMPIRAN

SENARAI MASJID INSTITUSI DI NEGERI SELANGOR

DAERAH HULU LANGAT

1	Masjid Kampus UKM, Bangi
2	Masjid Asy-Syabab, IKBN, Dusun Tua
3	Masjid Al-Amin, PGA, Cheras
4	Masjid As-Saadah Jabatan Penjara Malaysia, Kajang
5	Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

DAERAH PETALING

1	Masjid Tuanku Mizan, UITM Shah Alam
2	Masjid Al-Ikhlas, Lembaga Getah Malaysai (LGM)
3	Masjid Jamek Qaryah Serdang (UPM)
4	Masjid Pangkalan TUDM Subang
5	Masjid Kompleks Tabung Haji

DAERAH SEPANG

1	Masjid Institut Pendidikan Guru (IPG)
2	Masjid UNITEN
3	Masjid IKRAM
4	Masjid Sultan Abd Samad KLIA

DAERAH GOMBAK

1	Masjid Sultan Ahmad Shah, UIAM Gombak
2	Masjid Ibnu Sina, Hospital Sg Buloh

DAERAH KUALA SELANGOR

1	Masjid Universiti Selangor (UNISEL)
---	-------------------------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BANTUAN SIHAT SELANGOR

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kelulusan bantuan sihat Selangor mengambil tempoh masa yang lama sehingga 3 ke 4 bulan. keperluan kepada pemohon amatlah diperlukan segera.
- b) Apakah langkah yang di ambil oleh pihak kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan tersebut?

JAWAPAN:

Soalan a) adalah ayat pernyata.

- b) Permohonan Bantuan Sihat Selangor dibuat melalui atas talian melalui laman sesawang bantuansihat.selangor.gov.my. Setiap permohonan yang telah didaftarkan perlu mengemukakan dokumen sokongan kepada Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) yang terdekat atau menghantar terus ke Seksyen Pihak Berkuaasa Tempatan, UPEN. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Salinan kad pengenalan;
2. Surat pengesahan pemastautin (jika perlu);
3. Slip pendapatan atau akuan pendapatan pemohon;
4. Slip pendapatan atau akuan pendapatan pasangan /penjaga;
5. Surat/ laporan/ memo daripada hospital/klinik kerajaan/pusat rawatan dialisis; dan
6. Sebut harga rawatan/peralatan.

Setiap permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh 20 hari bekerja dan satu surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pembekal atau pusat rawatan serta disalinkan kepada pemohon.

Bagi permohonan yang tidak lengkap, satu surat pemakluman akan dikeluarkan kepada pemohon dan perlu dikembalikan semula kepada pihak SPBT, UPEN. Bagi memastikan permohonan mendapat kelulusan dalam masa yang ditetapkan, kerjasama PKM adalah diperlukan untuk memastikan semua dokumen adalah lengkap sebelum dihantar ke pihak SPBT, UPEN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENGENDALI WIFI SELANGORKU

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan perincian nama, pemilik dan tempoh kontrak syarikat pengendali Wifi Selangorku?
- b) Berapakah jumlah pembayaran untuk kontrak tersebut?
- c) Bagaimanakan pemilihan pengendali dan nyatakan kriteria lantikan?

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua (2) syarikat pengendali WiFi Smart Selangor (“WiFiSS”) iaitu Telekom Malaysia Berhad (“TM”) dan Celcom Mobile Sdn Bhd (“Celcom”).

TM merupakan syarikat pengendali utama WiFiSS di mana pihak TM telah memasang sebanyak 3,390 Hotspot atau Access Point (“AP”) WiFiSS. Tempoh kontrak pihak TM bagi perkhidmatan WiFiSS adalah selama lima (5) tahun bermula dari 6 Julai 2015 sehingga 5 Julai 2020.

Di kawasan-kawasan yang pihak TM tiada infrastruktur backhaul internet, WiFiSS disediakan oleh syarikat pengendali kedua iaitu Celcom. Pemasangan Hotspot WiFiSS terkini adalah seperti berikut:-

Pengendali	Tempoh Kontrak	Jumlah Bilangan Hotspot/ Access Point (AP) Terkini
Telekom Malaysia Berhad	5 Tahun (6 Jul 2015 sehingga 5 Jul 2020)	3,390
Celcom Mobile Sdn Bhd	Langanan Bulanan (bemula 2015)	521
JUMLAH		3,911

- b) Pembayaran kepada syarikat pengendali hanya dibuat setelah pengesahan bagi pemasangan AP atau Hostspot di tempat-tempat yang disasarkan. Proses pengesahan adalah melalui ‘site verification’ dan data berkaitan penggunaan AP terbabit seperti yang dilaporkan pada setiap bulan.

Jumlah pembayaran kontrak kepada syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan WiFi awam percuma pada tahun 2018 adalah RM12,551,601.29.

- c) Kriteria pemilihan pengedali adalah berdasar kepada beberapa faktor utama iaitu:

- i. Infrastruktur pembekal perkhidmatan yang sedia ada;
- ii. Kawasan liputan WiFi yang disediakan oleh pengendali;
- iii. Kos yang punyai nilai faedah terbaik; dan
- iv. Kemampuan memasang 2,500 lokasi hotspot dalam masa tiga (3) bulan.

Proses pemilihan ini dilaksanakan oleh pihak MBI melalui proses perolehan yang ditetapkan mengikut tadbir urus MBI, termasuklah permohonan pengendali secara terbuka, penilaian pengendali, pemantauan dan penilaian prestasi perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PELABURAN ASING

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek / panjang Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur luar mahupun dalam negeri ke kawasan Bukit Sentosa / Beruntung memandangkan masih banyak lagi premis kedai/perniagaan dan perumahan yang terbiar tanpa diuruskan dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Permasalahan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa merupakan *priority* utama bagi Majlis Daerah Hulu Selangor. Pelbagai usaha dan perancangan telah dan didalam pelaksanaan pihak MDHS bagi menjadikan kawasan berkenaan kembali membangun setara bandar – bandar lain di Hulu Selangor.

Sejak tahun 2006, pelbagai perancangan telah dijalankan bagi menarik pelabur / pengusaha dan *stakeholder* / *anchor* bagi melabur dan menjalankan pelaburan di Bandar Bukit Beruntung.

Bagi mengawal pembangunan, pihak MDHS telah mengambil langkah proaktif dengan membekukan tanah – tanah pembangunan di sekitar Serendah / Sungai Buaya di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 bagi memberi tumpuan pembangunan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa.

Bagi menjadi *anchor* utama di Bukit Beruntung, pihak Tesco Distribution telah membuka gudang pengedaran terbesar (repacking) seluas 50 ekar di Bukit Beruntung dan diluluskan oleh pihak MDHS pada Mei 2008. Selain itu, bagi menarik penduduk untuk mendiami Bukit Beruntung serta menggalakkan aktiviti perniagaan, pihak MDHS telah menjemput pihak Tesco untuk membuka Tesco Store di Bukit Sentosa yang telah dibuka pada 2011.

Bagi pembangunan institusi, pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil alih Kolej Aman, Bukit Sentosa dan dijadikan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Bukit Sentosa. Disamping itu sepanjang 2006 hingga kini, pihak MDHS telah meluluskan 2 Sekolah Rendah dan 1 Sekolah Menengah kebangsaan di Bukit Beruntung / Bukit Sentosa dibawah Rancangan Malaysia Ke-10 Kementerian Pelajaran. Di samping itu sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah dibuka di Bukit Beruntung. Dari segi

keselamatan, Bandar Bukit Sentosa telah mempunyai Balai Polis selain Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Sentosa telah siap dibina dan menunggu masa untuk beroperasi sepenuhnya. Pihak MDHS juga di dalam proses perbincangan secara berkala dengan agensi – agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran untuk agensi berkenaan membangunkan kemudahan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa bagi kemudahan penduduk.

Aktiviti perindustrian juga berjalan rancak. Ini ditunjukkan dengan 98% lot industri di Jalan Jasmine Bukit Beruntung telah dibina kilang – kilang. Selain itu kawasan perindustrian lain seperti di Jalan Kenanga dan Jalan Kamunting Bukit Beruntung, Jalan Seroja dan Jalan Ros, Bukit Sentosa juga kini mula diisi oleh pelabur. Lot – lot kilang di Bukit Beruntung / Bukit Sentosa merupakan pilihan utama bagi pengilang vendor bagi PERODUA, PROTON dan TANCHONG (NISSAN).

Terkini, Pihak PERODUA telah menyediakan jalan terus dari persimpangan PERODUA ke Bukit Sentosa. Dengan pembukaan jalan ini, ia akan menjadi alternatif kepada penduduk Bukit Sentosa terus ke Tol Sungai Buaya selain Tol Bukit Beruntung kini. Pihak PERODUA bersama pihak UMW Development kini dalam penyediaan jalan penyambung dari Bukit Sentosa ke Serendah yang boleh dihubungkan terus ke Jalan Pintasan Rawang.

YAB Dato Menteri Besar di dalam pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2019 telah menetapkan kawasan Serendah termasuk Bukit Beruntung / Bukit Sentosa sebagai Kluster Aeroangkasa dan Automotif. Pihak UMW Aerospace telah melabur dan membina Kilang Pemasangan Kelongsong Enjin Kapal Terbang untuk Airbus di kawasan ini dan pihak UMW juga bercadang untuk memindahkan operasi mereka dari Shah Alam ke Serendah. Pemajuan ini memberi impak tinggi kepada Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa selain menaikkan lagi nilai harta tanah di kawasan berkenaan.

Bagi mencari penyelesaian secara mampan, pihak MDHS dengan kerjasama PlanMalaysia dan PlanMalaysia Selangor telah menyediakan Pelan Tindakan Kawasan Brownfield Bukit Beruntung yang menyediakan pelan komprehensif pembangunan semula kawasan terbengkalai (brownfiled) di Bandar Bukit Beruntung terutamanya di kawasan kilang teres seperti di Jalan Seroja dan Jalan Kamunting, Bukit Sentosa.

Secara keseluruhannya, situasi di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa bertambah baik dan pihak MDHS bersama pihak INVEST SELANGOR akan terus mempromosikan kawasan ini kepada pelabur sama ada pemain industri dan pemaju harta tanah untuk terus membangunkan Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa khasnya dan kawasan sekitar amnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN 2019

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah program pembangunan modal insan yang telah dirancangkan bagi tahun 2019?
 - Adakah ianya meliputi program pasca perkahwinan seperti yang telah dinyatakan di dalam belanjawan 2019?

JAWAPAN:

- Program Pembangunan Modal Insan merupakan salah satu dasar dan agenda penting Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang cemerlang, berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing yang menjadi aset berkualiti kepada negeri dan berupaya menyumbang kepada pencapaian dan halatju Kerajaan Negeri Selangor. Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan sejak 2008 telah banyak memberi manfaat terutamanya terhadap kualiti kehidupan masyarakat dan pengurangan kadar jenayah dan program yang berfaedah ini perlu diteruskan ke arah pembentukan masyarakat yang seimbang.

Pada tahun 2019, perancangan bagi Program Pembangunan Modal Insan adalah pelaksanaan Program INSAN yang lebih terfokus kepada kluster utama iaitu belia, remaja, komuniti, keluarga dan wanita. Selain itu, program Karnival Kerjaya – Selangor Job Fair juga masih diteruskan di dalam perancangan tahun 2019.

- Program Pembangunan Modal Insan tidak meliputi program pasca perkahwinan seperti yang telah dinyatakan di dalam belanjawan 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan prestasi program Tuisyen Rakyat Selangor pada tahun 2008 sehingga kini.
- Apakah kerajaan akan menggunakan kaedah baru untuk perlaksanaan program Tuisyen Rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- Prestasi Program Tuisyen Rakyat Selangor dinilai dengan purata keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia berdasarkan 5 tahun yang terkini seperti berikut :

Mata pelajaran	Gred					
	A	B	C	D	E	G
Bahasa Melayu	36.3%	37.4%	18.3%	5.2%	2.5%	0.3%
Bahasa Inggeris	6.6%	17.9%	25.1%	27.6%	15.5%	7.2%
Sejarah	19.5%	27.2%	30.9%	13.4%	7%	2%
Matematik	23.2%	19.2%	22.8%	17.9%	11.1%	5.9%

Berdasarkan analisa di atas didapati bahawa jumlah pelajar yang lulus bagi semua mata pelajaran agak baik dan jumlah pelajar yang mendapat gred gagal agak minima. Syarat wajib lulus mata pelajaran untuk layak mendapat sijil SPM adalah mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Berdasarkan graf ini juga didapati jumlah peratusan pelajar yang lulus bagi mata pelajaran ini agak tinggi jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang gagal. Oleh itu sebagai rumusan PTRS sedikit sebanyak telah membantu pelajar yang lemah atau sederhana ini sekurang-kurangnya layak untuk mendapat sijil SPM.

- b) Kerajaan Negeri akan menggunakan kaedah baru pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor dengan melibatkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Selangor dan pihak sekolah. Taklimat penuh akan diadakan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri pada satu tarikh yang akan diberitahu kelak.